



KENYATAAN MEDIA

DEMONSTRASI UPSI: PELAJAR KUIS TIDAK TERLIBAT

Bandar Seri Putra, 6 Januari 2012: Pihak Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyangkal dakwaan bahawa terdapat pelajar KUIS yang terlibat di dalam demonstrasi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim pada 2hb Januari 2012.

Berdasarkan semakan yang dibuat oleh pihak pengurusan KUIS, pelajar-pelajar berkenaan bukan merupakan pelajar KUIS pada tarikh demonstrasi diadakan. Pelajar-pelajar tersebut iaitu Ahmad Syukri b. Che Ab.Razab telah diberhentikan pada 8 Jun 2011 dan Ahmad Shukri b. Kamarudin telah diberhentikan pada 4 Julai 2011 manakala Ahmad Fawaaz Afifi b. Jamalodin tiada di dalam senarai pendaftaran pelajar KUIS.

KUIS sebagai Institusi Pendidikan Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang mengutamakan kesempurnaan adab dan kecemerlangan ilmu sentiasa memantau pelajar-pelajar KUIS supaya tidak terlibat di dalam sebarang aktiviti yang bertentangan dengan dasar KUIS dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Dr. Zulkefli Hj Aini
Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bandar Seri Putra, Bangi
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 6hb Januari 2012